

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran,  
Enche Hussein Onn di-upachara  
Pembukaan Persidangan Pegawai2  
Pelajaran Bahagian Sarawak pada  
24hb Mach, 1972 pukul 2.30 petang

Ucapan: ABHO  
515  
134/80

Saya sungguh gembira kerana dapat bertemu dengan pegawai2 dari Jabatan Pelajaran dalam lawatan rasmi saya yang pertama kali-nya ka-Sarawak terutama sekali mereka daripada lain2 Bahagian Sarawak yang mana sa-satengah daripada mereka telah pun saya temui.

2. Dalam masa beberapa hari yang lepas saya telah melawat Bahagian Ketiga dan Ke-empat di-mana saya telah dapat menyaksikan sa-banyak sedikit kerja yang tuan2 jalankan di-Sarawak dan saya juga telah berpeluang bertemu dan berchakap dengan guru2 serta penuntut2 dari Maktab2 besar di-bandar dan juga penuntut2 dari sekolah2 kechil di-kawasan2 luar bandar. Saya sangat tertarek hati dengan apa yang telah saya saksikan dan saya menguchapkan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan, terutama sekali kepada guru2 yang berkhidmat di-kawasan2 luar bandar atas segala usaha dan kerja mereka yang sungguh chemerlang.

3. Pada bulan Januari tahun ini saya telah membentangkan Anggaran Urusan Kementerian bagi tahun 1972

di-Parlimen yang berjumlah lebih dari \$606 juta. Dari jumlah ini lebih dari 10% di-peruntukkan bagi Malaysia Timor dan bahagian Sarawak ia-lah lebih dari \$32 juta. Perbelanjaan pembangunan yang diluluskan bagi tahun 1972 berjumlah lebih dari \$113 juta dan Sarawak di-peruntukkan lebih dari \$9.3 juta.

4. Ini ada-lah merupakan satu perbelanjaan yang besar tetapi Kerajaan mesti-lah membelanjakan-nya dengan betul jika kita berkehendakkan tiap2 ringgit daripada perbelanjaan itu di-gunakan dengan sapenohnya dan bijaksana untuk memperbaiki jenerasi2 muda kita. Tetapi kemajuan tidak boleh di-ukor dari segi wang ringgit semata2. Apa yang penting ia-lah perkara2 yang berlaku atau tidak berlaku dalam pelajaran di-sekolah2 kita. Ini bermakna bahawa apa yang kita pentingkan ia-lah kecekapan guru2 kita di-dalam dan di-luar bilek darjah dan yang paling penting sekali ia-lah hasil yang kita chapai ia-itu penuntut2 yang berhenti sekolah dan bakal warganegara hendak lah sesuai dan dapat memberi sumbangan terhadap pembenaan negara dan ini akan menentukan sama ada wang yang telah kita belanjakan itu dapat di-gunakan dengan sapenohnya atau pun telah di-bazirkan sahaja. Penambahan terhadap perbelanjaan atau bilangan penuntut2 tidak-

lah merupakan ganti kepada quality pelajaran dan kesusilaan.

5. Oleh yang demikian saya menyeru semua Pegawai Jabatan Pelajaran supaya menumpukan masa mereka dalam lapangan ini dan bukan semata2 di-pejabat sahaja. Mereka hendak lah memperkenalkan diri mereka kepada guru2, ibu bapa dan masharakat. Tugas mereka bukan hanya untuk memberitahu raayat bahawa mereka bukan sahaja merupakan Pegawai Kerajaan tetapi mereka hendak-lah bersedia untuk berkhidmat kepada raayat. Pegawai2 dalam Jabatan Pelajaran hendak-lah bekerjasama dengan lain2 Kementerian dan Jabatan terutama sekali untuk menchapai kejayaan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Saya berharap Pegawai Pelajaran Bahagian akan menerangkan kepada saya lebeh banyak lagi berkenaan dengan kerja2 mereka dalam bidang2 pelajaran yang tertentu. Oleh kerana dengan chara mengetahui apa yang sedang tuan2 chapai dan juga masalah2 yang tuan2 hadapi baharu-lah saya dan Kementerian saya dapat menolong tuan2.

6. Saya telah di-beritahu bahawa kesulitan2 yang di-hadapi dalam projek2 pelajaran di-sekolah2 di-bawah Rancangan Malaysia Pertama ada-lah sangat kechil. Kejayaan tuan2 melebehi 88% daripada \$2.7 juta

dalam ranchangan tersebut. Oleh itu saya patut memberi pujian kepada semua pegawai yang berkenaan. Perdana Menteri kita telah menegaskan berulang kali peri mustahak-nya Ranchangan Malaysia Kedua dalam kemajuan negara kita yang akan datang. Dengan adanya kerjasama dan bantuan dari tuan2 saya perchaya bahawa projek2 pelajaran dalam Ranchangan Malaysia Kedua akan dapat di-laksanakan dengan jaya sebagaimana yang telah di-lakukan dalam Ranchangan Malaysia Pertama dahulu di-Sarawak. Kami pula akan memberikan segala bantuan2 dengan kuasa2 yang ada pada kami untok menentukan supaya segala jurang perbedzaan yang mungkin terdapat di-antara pelajaran di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor di-perbetulkan. Walau bagaimana pun saya ingin menambah bahawa pegawai saya di-Sarawak telah chuba membayangkan kepada saya bahawa walau pun terdapat banyak kesulitan2 namun demikian taraf pelajaran di-Sarawak keselurohan-nya ada-lah sa-tanding malahan dalam beberapa segi mengatasi taraf pelajaran di-Malaysia Barat. Pada awal bulan ini saya telah di-beritahu bahawa tidak kurang dari 74.7% daripada penuntut2 sekolah di-Sarawak telah mendapat sijil penoh dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran. Ini ada-lah satu rekod yang patut di-banggakan oleh mana2 negeri atau pun sekolah. Saya perchaya keputusan2 saperti ini juga akan dapat di-chapai dalam peperiksaan Sijil


Pelajaran Cambridge.

7. Sebagaimana yang tuan2 ketahui semua kelas2 darjah satu di-Malaysia Barat kechuali dalam sekolah2 rendah China dan Tamil telah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar utama dalam tahun 1970. Walau pun Sarawak tidak berbuat demikian pada masa itu saya sangat sukachita bahawa tidak kurang dari 35 sekolah2 rendah telah dengan sechara sukarela menukar bahasa pengantar-nya kepada Bahasa Malaysia pada tahun lepas dan lebeh dari 100 buah sekolah saperti itu sekarang ini menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama pada tahun ini. Saya juga di-beritahu semakin ramai penuntut2 dalam sekolah2 menengah Kerajaan dan sekolah2 bantuan di-Sarawak telah memasokki kelas2 Aliran Bahasa Malaysia. Malahan sa-kumpulan kechil penuntut2 akan mengambil peperiksaan LCE mereka pada akhir tahun 1973 ini dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah satu perbuatan yang menggembirakan dan mempunyai besar maana-nya untok masa hadapan. Saya perchaya tuan2 semua tentu bersetuju bahawa ini adalah satu langkah yang betul oleh kerana objektib utama kita ialah mewujudkan keharmonian dalam sistem pelajaran kita di-Malaysia Timor dan Malaysia Barat.

8. Saya di-fahamkan bahawa tuan2 mengadakan persidangan sa-umpama ini sa-kurang2-nya sekali atau

dua kali sa-tahun. Dalam sa-sabuah negeri saperti Sarawak ini saya berpendapat persidangan saperti ini ada-lah sangat perlu. Di-Persidangan2 saperti itu Pegawai2 yang berkenaan dan mereka di-Ibu2 Pejabat Negeri boleh bertukar2 pendapat dan pengalaman dengan lebeh bebas lagi. Pegawai daripada Bahagian akan mendapat faedah daripada perbincangan2 yang berkaitan dengan kesulitan2 dan pengalaman mereka masing2. Oleh yang demikian saya sungguh gembira kerana di-beri peluang untuk sama2 merasai pengalaman ini dan saya tidak ragu2 lagi bahawa tuan2 akan berusaha dengan segala daya upaya untuk memperbaiki quality perkhidmatan kita terhadap pelajaran melalui perundingan2 ini.

9. Sekarang dengan sechara sukachita-nya saya rasmikan Pembukaan Persidangan Pegawai Pelajaran Bahagian 1972.



dan kali es-tahun. Dalam es-abadan negeri seperti  
 Sarawak ini saya berpendapat perbandingan seperti ini  
 ada-lah sangat perlu. Di-Perbandingan seperti itu  
 pegawai yang berkenaan dan mereka di-Ibu Pejabat  
 Negeri boleh bertukar pendapat dan pengalaman dengan  
 lebih bebas lagi. Pegawai daripada Bahagian akan men-  
 dapat faedah daripada perbandingan yang berkaitan  
 dengan keuletakan dan pengalaman mereka masing. Oleh  
 yang demikian saya sanggup gembira kerana di-beri peluang  
 untuk sama merasa pengalaman ini dan saya tidak ragu  
 lagi bahwa tuas akan berusaha dengan segala daya upaya  
 untuk memperbaiki quality perkhidmatan kita terhadap  
 pelajaran melalui perbandingan ini.

9. Sekarang dengan sechara sukacita-nya saya  
 rasmikan Perbandingan Pegawai Pelajaran Bahagian  
 1972.



No. Siri	..... 95
No. Penerimaan	..... 95/80